



23 April 2014
23 April 2014
P.U. (A) 113

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA SHAH ALAM) 2014

FEDERAL ROADS (SHAH ALAM EXPRESSWAY) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA SHAH ALAM) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [*Akta 376*], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Selangor, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Shah Alam) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 24 April 2014.

Perisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuh Raya Shah Alam yang bermula dari kilometer 17.9 laluan utama di koordinat U330299.391, T382997.376 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 45.9 laluan utama di koordinat U33961.109, T406025.571 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) termasuklah Persimpangan Bertingkat Pandamaran, Persimpangan Bertingkat Kebun, Plaza Tol Kemuning, Persimpangan Bertingkat HICOM, Persimpangan Bertingkat Seafield, Pusingan U Bertingkat, Persimpangan Bertingkat Kewajipan, Plaza Tol Sunway, Persimpangan Bertingkat Sunway dan Persimpangan Bertingkat Kinrara, iaitu suatu jarak sepanjang 28 kilometer diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

Pembatalan

3. Perintah Jalan Persekutuan (Lebuhraya Shah Alam) 1998 [*P.U. (A) 133/1998*] dibatalkan.

JADUAL PETA LEBUH RAYA SHAH ALAM

